



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	01/09/2012

Tun M bangga pembabitan generasi muda

BH-1/9/2012

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa bangga melihat pembabitan masyarakat khususnya generasi muda pelbagai kaum menjayakan sambutan ulang tahun Kemerdekaan Ke-55 semalam.

Beliau berkata, peristiwa atau situasi sebegini sesuatu yang amat tepat dan sesuai dengan keadaan masa kini yang melambangkan generasi muda juga mahu mengekalkan perpaduan sesama mereka.

"Sambutan meriah, semua orang menyertai, kalau dulu sebahagian saja. Kali ini, semua orang mengibarkan bendera. Koreografi sangat bagus, cara dia atur, menari, menyanyi dan kali ini kita nampak lebih banyak pembabitan orang muda," katanya ketika ditemui selepas sambutan di Dataran Merdeka.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pengisian persembahan merangkumi semua aspek yang membabitkan generasi baru.

"Persembahan mereka sangat bertenaga, sangat unik dan sangat luar biasa dan semua ini menunjukkan masa depan lebih baik bagi negara kita," katanya.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, pula berkata walaupun tidak memberi sumbangan memperjuangkan kemerdekaan negara, mereka menyemarakkan semangat kemerdekaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, pula berkata peserta perhimpunan menunjukkan sikap masyarakat majmuk pelbagai budaya serta bersatu padu dalam suasana harmoni dan gembira.